



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

ISU AMALAN PENGENDALI MAKANAN YANG TIDAK BERSIH DAN SELAMAT DI PREMIS MAKANAN

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum dan memandang serius artikel bertajuk “**Outcry over food safety**” yang disiarkan oleh akhbar The Star pada 27 Oktober 2024. Artikel ini antara lain menyebut berkaitan amalan pengendalian makanan yang tidak baik oleh pengendali makanan seperti meludah ke dalam makanan dan tidak mendapatkan suntikan anti-tifoid. Artikel ini juga menekankan kepentingan untuk memberikan hukuman berat kepada pengendali makanan yang gagal mematuhi keperluan perundangan berkaitan amalan kebersihan dan keselamatan makanan.

KKM melalui Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM) ingin menegaskan bahawa tindakan penguatkuasaan yang boleh diambil kepada pemilik premis makanan yang kotor atau tidak suci adalah **arahan penutupan premis tidak melebihi tempoh 14 hari di bawah Seksyen 11, Akta Makanan 1983** di mana individu yang engkar arahan tersebut boleh didakwa dan jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan **penjara tidak melebihi lima (5) tahun atau denda atau kedua-duanya**.

Di samping itu, peruntukan bagi ciri-ciri kebersihan premis makanan, perkakas, amalan pengendalian oleh pengendali makanan dan pengangkutan makanan jelas diperincikan di bawah **Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan (PPKM) 2009** di mana terdapat 33 kesalahan boleh dikompaun. Mana-mana individu yang gagal membayar kompaun tersebut boleh didakwa di mahkamah dan jika disabitkan kesalahan **boleh didenda sehingga RM10,000 atau penjara tidak melebihi dua (2) tahun.**

Dalam hal ini, bagi tempoh Januari sehingga Jun 2024, sejumlah **63,784 premis makanan telah diperiksa** di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **910 premis telah diarahkan tutup kerana tidak bersih, dan sejumlah 16,415 notis kesalahan dibawah Seksyen 32B, Akta Makanan 1983** telah dikeluarkan dalam tempoh berkenaan. Bagi tempoh yang sama, daripada sejumlah **94,275 pengendali makanan yang diperiksa** di seluruh negara, **didapati 79,818 (84.7%) pengendali makanan telah mendapatkan suntikan anti tifoid.** Tindakan penguatkuasaan telah dikenakan terhadap pengendali dan pemilik premis makanan yang gagal memenuhi keperluan perundangan ini.

Selain itu, di bawah Peraturan 30, PPKM 2009, pemilik premis makanan adalah bertanggungjawab untuk memastikan **setiap pengendali makanan mengikuti Latihan Pengendali Makanan (LPM) di Sekolah Latihan Pengendali Makanan (SLPM) yang diiktiraf oleh KKM.** LPM ini dijalankan berdasarkan modul pengajaran standard yang telah ditetapkan oleh KKM merangkumi lima (5) komponen utama termasuk kebersihan makanan dan pengendali, keselamatan dan kualiti makanan serta faktor-faktor kritikal keracunan makanan. Latihan ini memberikan pengetahuan dan latihan asas kepada pengendali makanan dalam

bentuk yang paling mudah difahami untuk dipraktikkan semasa di lapangan.

KKM ingin sekali lagi menegaskan kepada semua pemilik premis dan pengendali makanan di negara ini supaya sentiasa **mengamalkan amalan kebersihan dan keselamatan makanan yang baik** dan mematuhi keperluan perundangan yang ditetapkan demi kesihatan dan kesejahteraan awam. Orang ramai pula dinasihatkan untuk mengamalkan **“Perhati dan Pilih”** premis makanan yang bersih dan mempunyai logo **Pengiktirafan Bersih dan Selamat (BeSS)** dari KKM serta amalkan **“Lihat Hidu Rasa”** kerana ia adakah langkah awal dan paling mudah untuk mengelakkan keracunan makanan. Sekiranya ingin memuat naik sebarang foto atau video berkaitan isu kebersihan dan keselamatan makanan di media sosial, **orang ramai dinasihatkan untuk memperincikan lokasi premis makanan yang berkenaan supaya tindakan segera dapat diambil oleh pihak berkuasa.**

Sekiranya pengguna mempunyai sebarang kemusykilan berhubung sebarang isu keselamatan makanan atau melihat sendiri insiden keselamatan makanan yang berlaku, pengguna juga boleh menghubungi mana-mana Pejabat Kesihatan Daerah, Jabatan Kesihatan Negeri terdekat atau melayari laman sesawang **Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA)** serta **Facebook Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM)** seperti berikut:

- <http://moh.spab.gov.my>
- <https://www.facebook.com/bkkmhq>

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

30 OKTOBER 2024